

01/12/1997

NEAC perlu dianggotai semua parti politik

AYER TAWAR, Ahad - Maljisi Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) perlu dianggotai semua parti politik dan kumpulan berkepentingan supaya ia mampu menjadi kuasa nasional yang bersatu padu untuk menangani krisis ekonomi negara.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata setakat ini kuasa, fungsi dan bidang tugas NEAC belum begitu jelas, sama ada ia mempunyai kuasa eksekutif sendiri seperti Kabinet atau sekadar majlis penasihat.

Berikutan itu, katanya jika NEAC sekadar menjadi penasihat namanya wajar ditukarkan kepada Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

Menurutnya, tidak dinafikan rakyat dan negara perlu digerak dan disatukan untuk lebih berjimat-cermat serta mengambil langkah wajar untuk mengatasi krisis ekonomi sekarang.

Bagaimanapun, beliau menganggap Belanjawan 1998 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan di Parlimen pada 17 Oktober lalu untuk mengembalikan keyakinan dan mengekang kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, gagal.

"Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sekitar 790 mata ketika belanjawan itu dibentangkan, tetapi terus menerus jatuh. Minggu lalu, ia mengalami kejatuhan paling rendah iaitu 512 mata selepas keyakinan pelabur hilang berikutan isu pembelian saham UEM Renong dan pembelian projek Empangan Bakun oleh kerajaan daripada Ekran Bhd.

"Begitu juga nasib yang dialami ringgit yang minggu lalu mengalami kejatuhan paling teruk iaitu RM3.54 bagi AS\$1," katanya pada jamuan makan malam ulang tahun ke-10 Operasi Lalang di sini, malam tadi.

Berikutan itu, katanya tugas utama NEAC ialah mengembalikan keyakinan masyarakat antarabangsa dan rakyat negara ini terhadap ekonomi Malaysia.

"Kerajaan perlu mengikis budaya suka membuat penafian, termasuk menafikan kerajaan secara tidak langsung bertanggungjawab terhadap krisis ekonomi tanah air, sebaliknya suka menuduh pedagang mata wang asing atau faktor luaran sebagai puncanya," katanya.

Beliau juga berkata, NEAC perlu segera mengembalikan keyakinan semua pihak termasuk mengenalpasti punca sebenar krisis ekonomi negara serta faktor tempatan.

NEAC, katanya, wajar menyediakan penawar walaupun pahit, termasuk memastikan kerajaan mengamalkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbirannya jika ingin meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Tokyo, kelmarin bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun depan hanya sekadar 6 peratus atau lebih rendah lagi, Lim berkata:

"Ini pengumuman besar oleh kerajaan dan saya terperanjat ia di buat secara bersahaja di luar negara dan bukan dalam negara."

Menurutnya, unjuran itu lebih rendah berbanding 7 peratus yang dinyatakan dalam Belanjawan 1998 bagi tahun depan berbanding 8 peratus tahun ini serta 8.6 peratus tahun lalu.

Katanya, perkara itu perlu diberi perhatian kerana unjuran itu di buat kurang sebulan selepas belanjawan negara, yang menjadi tanda tanya sampai bila ekonomi Malaysia mampu bertahan atau kadar pertumbuhan terus menurun.

(END)